

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**PENGARAH**

**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**BERSEMPENA DENGAN**

**MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN HARI BUMI 2023 PERINGKAT  
NEGERI SARAWAK**

**TARIKH:**

**11 MAC 2022 (SABTU)**

**TEMPAT: DEWAN JUBLI, UITM CAWANGAN SARAWAK**

**KAMPUS SAMARAHAN**

## **Selamat Pagi dan Salam Sejahtera**

### **PENDAHULUAN**

1. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang dapat meluangkan masa pada pagi ini untuk kita dapat menyambut Majlis Sambutan Hari Bumi 2024 Peringkat Negeri Sarawak. Sambutan kali ini mengabungkan kerjasama antara agensi kerajaan, pihak industri dan institusi pengajian tinggi bagi menunjukkan komitmen dan kerjasama erat di dalam kempen kesedaran pemuliharaan dan pemeliharaan bumi yang kita diami dan akan diwariskan kepada generasi akan datang.

### **SAMBUTAN HARI BUMI 2024**

2. Hari Bumi disambut setiap tahun pada 22 April 2024 dan tema sambutan Hari Bumi pada tahun ini ialah *Planet vs. Plastics*. Fokusnya adalah untuk melibatkan pelbagai peringkat masyarakat terlibat sama di dalam program untuk mengurangkan penggunaan plastik dan seterusnya mengurangkan pencemaran plastik di atas bumi ini.

3. Pada tahun ini dengan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak, khususnya Sarawak Energy Berhad (SEB), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Jabatan Alam Sekitar Sarawak, Jabatan Hutan Negeri Sarawak, Sarawak Forestry Corporation, NREB, Majlis Perbandaran Kota Samarahan, Jabatan Kesihatan, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dan pihak swasta serta NGO maka sambutan Hari Bumi Tahun 2024 di peringkat Negeri Sarawak berjaya diadakan di UiTM Samarahan ini.

4. Pengelibatan dan kesudian institusi pengajian tinggi terlibat dalam program kesedaran alam sekitar sangat bersesuaian dan perlu

diperkasakan. IPT merupakan tempat lahirnya tenaga kerja mahir dan professional dan juga bakal menjadi pemimpin pada masa akan datang. Oleh yang sedemikian, golongan pelajar-pelajar perlu diberi pendedahan dan dibimbing untuk menjadi peneraju memelihara dan memulihara bumi kita ini.

### **AKTIVITI SEMPENA HARI BUMI 2024**

5. Sambutan Hari Bumi, merupakan satu wadah bagi masyarakat global untuk menunjukkan sokongan terhadap perlindungan alam sekitar, terutamanya dalam mendorong penyertaan setiap individu bagi memainkan peranan masing-masing ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

6. Dengan mengambilkira bahawa alam sekitar adalah merupakan tanggungjawab bersama, maka jawatankuasa penganjur Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2024 ini menggalakan penyertaan aktiviti yang bertemakan alam sekitar dan pengurangan penjanaan sisa melalui aktiviti penggunaan semula buangan sebagai bahan kitar semula, pertandingan rekacipta dari bahan buangan, kempen penanaman pokok, pertandingan dekorasi kek bertemakan alam sekitar dan kempen pengumpulan e-waste.

### **Program Pertandingan Rekacipta dari Bahan Buangan**

7. **Program pertandingan rekacipta dari bahan buangan** dibuka kepada pelajar-pelajar IPTA dan IPTS di seluruh Negeri Sarawak bertujuan menarik minat para pelajar untuk mengembangkan inovasi dan daya kreativiti mereka kearah pemuliharaan bumi ini. Penggunaan semula bahan buangan untuk dijadikan sebagai medium penyelidikan dan inovasi bagi memastikan sisa buangan yang dijana tidak dilupuskan begitu sahaja malah menjadikan ia sesuatu yang bernilai dan boleh

digunasemula dalam apa-apa kegunaan masyarakat dan industri. Pertandingan ini tidak hanya fokus kepada kepada sisa plastik tetapi juga melibatkan semua buangan yang boleh dikitar semula.

### **Kempen Penanaman Pokok**

8. Kempen penanaman pokok melalui Program 1 Rakan Alam Sekitar, 1 Pokok (atau 1 RAS 1 Pokok) adalah salah satu kempen pemeliharaan bumi dengan mengalakan masyarakat awam terutamanya Rakan Alam Sekitar (RAS) menanam pokok. Kejayaan kempen ini tidak hanya bergantung kepada pembabitan Rakan Alam Sekitar (RAS) selaku kumpulan teras pelaksanaan kempen penanaman pokok, tetapi penglibatan Rakan Strategik amatlah penting bagi pengkongsian idea dan sumber bagi menzahirkan program dan seterusnya mencapai matlamat yang telah disasarkan di dalam kempen ini.

### **Pertandingan Dekorasi Kek Bertemakan Keindahan Alam Sekitar**

9. Selama ini kita kerap disajikan berkenaan gambaran keindahan bumi dan alam sekitar melalui lukisan dan gambar. Maka melalui Pertandingan Dekorasi Kek Bertemakan Keindahan Alam Sekitar akan menggalakan serta menyediakan platform kepada pengusaha pembuatan dan pendekorasi kek, untuk menjelmakan daya imaginasi keindahan alam sekitar dan diterjemahkan melalui dekorasi kek.

### **Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (BEE)**

10. Buangan terjadual seperti buangan elektrik dan elektronik yang dilupuskan tidak sistematik boleh menyebabkan masalah pencemaran ke alam sekitar. Namun buangan elektrik dan elektronik juga mempunyai komponen yang boleh diolah semula untuk menghasilkan bahan produk yang bernilai untuk digunakan atau dipasarkan. Sempena sambutan Hari

Bumi ini, program dan kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (BEE) Isi Rumah diadakan supaya komuniti setempat dapat mengumpul dan menyerahkan BEE kepada syarikat yang telah dilesenkan oleh JAS untuk diproses dengan sewajarnya tanpa mencemarkan alam dan mengelakan e-waste dilupuskan di tapak pelupusan.

## **PENUTUP**

11. Bagi pihak jawatankuasa penganjur program, saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YB Datuk Haji Len Talif Salleh, Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Sarawak yang sudi bersama-sama kita seterusnya merasmikan sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2024 ini. Kehadiran YB Datuk dalam program ini sudah pastinya menyuntik semangat setiap orang ada di sini untuk terus memperkasakan kerjasama dalam melaksanakan program berkaitan kesedaran alam sekitar pada masa akan datang.

12. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih rakan strategik kami iaitu Sarawak Energy Berhad (SEB), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Jabatan Hutan Negeri Sarawak, Sarawak Forestry Corporation, Majlis Perbandaran Kota Samarah, Jabatan Kesihatan, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak serta semua pihak termasuk rakan-rakan media, pelajar-pelajar serta komuniti setempat yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis sambutan ini.

Sekian, terima kasih.